UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Tarikh Iklan: 13.05.2024

# KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor di **Negeri Terengganu** yang berdaftar di dalam bidang/gred seperti di bawah yang pendaftarannya masih berkuatkuasa bagi menjalankan perkhidmatan/kerja yang berikut :

| NO. SEBUT HARGA | TAJUK SEBUT HARGA | KELAYAKAN |
|---|---|---|
| **UiTMKT/SH/3/2/24** | **Perkhidmatan Penyelenggaraan Sistem Bekalan Air Bagi Tempoh 1 Tahun Di UiTM Cawangan Terengganu Kampus Kuala Terengganu**<br><br>Harga Dokumen**: RM50.00 senaskhah** | a) Berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang masih sah**<br><br>Gred : **G1**<br>Kategori : **ME**<br>Pengkhususan : **M15 dan M20**<br><br>**ATAU**<br><br>b) Berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)**<br><br>Kod Bidang : **220503 dan 220507**<br><br>**DAN**<br><br>c) Berdaftar dengan **Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) Permit IPA Jenis D (Bekalan Air) (Negeri Terengganu)** |

1. **Dokumen Sebut Harga**
   Dokumen Meja Sebut Harga mula dipamer pada **13/05/2024** di **UNIT BENDAHARI, UiTM CAWANGAN TERENGGANU KAMPUS KUALA TERENGGANU, TERENGGANU** pada waktu pejabat.

2. Lawatan Tapak / Taklimat akan diadakan pada **20/05/2024 (ISNIN) JAM 11.00 PAGI BERTEMPAT DI BILIK MESYUARAT AL-GHAZALI, UiTM CAWANGAN TERENGGANU KAMPUS KUALA TERENGGANU**.

3. Kehadiran Penyebutharga ke Taklimat dan Lawatan Tapak adalah **DIWAJIBKAN**.

   i. Hanya Petender yang hadir Taklimat dan Lawatan Tapak sahaja yang akan dibenarkan membeli Dokumen Tawaran.
   ii. Hanya Penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) atau Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) sahaja yang boleh menghadiri Taklimat dan Lawatan Tapak tersebut. Penyebutharga tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada Penama di dalam sijil-sijil yang dinyatakan.

4. Kontraktor yang **TIBA LEWAT** daripada masa yang telah ditetapkan untuk sesi Taklimat dan Lawatan Tapak akan dikenakan tindakan seperti berikut:

   a) Tidak dibenarkan menghadiri Taklimat dan Lawatan Tapak
   b) Tidak akan diberikan Borang Pengesahan Lawatan Tapak yang telah ditandatangani oleh Pegawai Jabatan ini
   c) Tidak dibenarkan menyertai Tawaran Sebut Harga yang dibuka ini

   Sila bawa bersama **Cop Syarikat** semasa menghadiri Taklimat / Lawatan Tapak.

5. Dokumen Tawaran boleh dibeli **selepas taklimat/lawatan** di UNIT BENDAHARI, UiTM CAWANGAN TERENGGANU KAMPUS KUALA TERENGGANU pada waktu pejabat dengan menggunakan **Pembayaran Tanpa Tunai (Kad Debit/Kad Kredit)** sahaja.

6. Penyebutharga dikehendaki membawa **Sijil Pendaftaran KKM, CIDB, SPKK, PPK, SPAN dan Sijil Taraf Bumiputera (jika ada)** dalam bidang/gred seperti di atas dan menyerahkan satu **SALINAN (fotostat)** semasa membeli Dokumen Sebut Harga tersebut.

7. Dokumen Sebut Harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga **UNIT BENDAHARI, UiTM CAWANGAN TERENGGANU KAMPUS KUALA TERENGGANU, 21080 KUALA TERENGGANU, TERENGGANU** dengan menulis nombor dan tajuk Sebut Harga di sebelah kiri atas di sampul tawaran berkenaan.

8. Tawaran ditutup pada **27/05/2024 (ISNIN) jam 12.00 tengahari**. Tawaran Sebut Harga yang lewat diterima dari waktu tutup **tidak akan dipertimbangkan**.